

KERTAS KONSULTASI AWAM RUUPIN

KERTAS KONSULTASI AWAM
Cadangan Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara
("RUUPIN")

Tarikh diterbitkan: 4 Oktober 2024

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar (NRES) menjemput semua pihak bagi mengemukakan sebarang komen dan pandangan mengenai cadangan Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN) seperti di dalam Kertas Konsultasi Awam dalam tempoh satu bulan dari tarikh dokumen ini diterbitkan. Maklum balas boleh diberikan melalui e-mel seperti butiran di bawah:

E-mel: rd.bpi@nres.gov.my

Salinan kepada (cc): MYFAProjectRUUPIN@deloitte.com

Perhatian: Unit Rundingan dan Dasar, Bahagian Perubahan Iklim, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

Sebagai alternatif, maklum balas juga boleh dibuat melalui pos:

Unit Rundingan dan Dasar, Bahagian Perubahan Iklim (BPI)
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tingkat 5, Blok F11, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
62000 Putrajaya, Malaysia

Sila nyatakan nama dan badan Kerajaan yang diwakili (jika berkenaan). Mohon agar komen dan input yang dibuat merujuk kepada bahagian dan perenggan dalam Kertas konsultasi Awam tersebut dan diisi di **Lampiran A**.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan berkaitan kertas konsultasi ini, sila hubungi kami di alamat e-mel di atas.

Kerahsiaan: Maklum balas anda mungkin akan didedahkan kepada umum oleh NRES. Sekiranya anda tidak membenarkan semua atau sebahagian maklum balas dan nama anda didedahkan kepada umum, sila nyatakan dengan jelas dalam maklum balas tersebut. Sebarang penafian kerahsiaan yang mungkin dihasilkan oleh sistem IT organisasi anda hanya akan diambil kira jika anda meminta maklumat tersebut kekal sulit.

KERTAS KONSULTASI AWAM RUUPIN

ISI KANDUNGAN

A. PENGENALAN	3
B. PRINSIP DAN KERANGKA PERINGKAT TINGGI RUUPIN	4
Objektif	4
Prinsip-Prinsip Panduan Pembangunan RUUPIN	5
Kuasa Menteri NRES	5
C. CADANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERUBAHAN IKLIM (“RUUPIN”).....	6
Peruntukan Utama RUUPIN	7
Definisi [Bahagian 1].....	8
Penetapan Sasaran Nasional [Bahagian 2].....	8
Penubuhan Entiti Kawal Selia [Bahagian 3].....	8
Pembangunan Repositori Data Iklim Bersepadu Kebangsaan (<i>National Integrated Climate Data Repository</i> - NICDR) [Bahagian 4].....	10
Pengawalseliaan Mekanisme Perdagangan Karbon [Bahagian 5]	11
Penubuhan Registri Perubahan Iklim Kebangsaan (National Registry for Climate Change - NRCC) [Bahagian 5].....	11
Penubuhan Dana Iklim Kebangsaan [Bahagian 6].....	12
Pelaporan [Bahagian 7].....	12
Pematuhan dan Penguatkuasaan [Bahagian 8].....	13
Peruntukan Am [Bahagian 9].....	14
D. KESIMPULAN.....	14
E. LAMPIRAN A – BORANG MAKLUM BALAS	16

A. PENGENALAN

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar (“NRES”) merupakan *focal point* negara bagi Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) dan Perjanjian Paris. Sebagai *focal point* negara, NRES berperanan untuk memastikan tanggungjawab di bawah UNFCCC dan pelaksanaan artikel-artikel di bawah Perjanjian Paris dapat dilaksanakan dengan berkesan di peringkat domestik. Antara komitmen utama Malaysia di bawah Perjanjian Paris adalah untuk memastikan dokumen *Nationally Determined Contributions* (NDC) perlu dikemukakan dan dikemas kini setiap 5 tahun. Pada tahun 2021, Malaysia telah meletakkan sasaran pengurangan intensiti pelepasan karbon yang merentas ekonomi sebanyak 45% (berdasarkan GDP) pada tahun 2030 berbanding tahapnya pada tahun 2005 tanpa syarat (*unconditional*).

2. NRES juga merupakan kementerian yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan agenda perubahan iklim negara serta dasar-dasar berkaitan perubahan iklim yang merangkumi elemen-elemen utama dalam proses negara beralih ke arah ekonomi rendah karbon di samping memperkukuhkan daya tahan negara terhadap impak perubahan iklim. Dalam proses peralihan ke arah ekonomi rendah karbon ini, dasar yang ditetapkan oleh NRES memberi tumpuan kepada usaha memantapkan inisiatif mitigasi dan adaptasi dalam rancangan dan dasar kerajaan yang memerlukan kerjasama daripada kementerian-kementerian dan kerajaan negeri dalam pelbagai sektor (contohnya: Tenaga, Industri Pemprosesan dan Guna Produk (IPPU), Pertanian, Sisa dan Guna Tanah, Pertukaran Guna Tanah dan Perhutanan (LULUCF)).

3. Pada masa ini, tiada perundangan khusus mengenai perubahan iklim. Oleh itu, di bawah inisiatif Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), NRES sedang merangka Rang Undang-Undang Perubahan Iklim (RUUPIN), yang akan diwartakan sebagai Akta Perubahan Iklim apabila diluluskan. Sehubungan dengan itu, NRES telah diberi mandat untuk membangunkan RUUPIN bagi memperkukuh tadbir urus perubahan iklim negara di peringkat antarabangsa dan domestik. Selain itu, RUUPIN juga digubal untuk:

- (i) memangkinkan agenda perubahan iklim negara untuk beralih ke ekonomi rendah karbon;
- (ii) memperkukuh daya tahan negara terhadap impak perubahan iklim;
- (iii) menubuhkan pihak berkuasa bebas sebagai Entiti Kawal Selia untuk menjalankan fungsi operasi selaras dengan hasrat perubahan iklim negara;
- (iv) memperkemas tadbir urus perubahan iklim termasuk hal-hal berkaitan pelaporan pengurusan data, dana dan pembiayaan dan penguatkuasaan;
- (v) membolehkan mekanisme pematuhan berkaitan untuk melaksanakan tindakan iklim yang berkesan;
- (vi) membolehkan pengwujudan sebuah mekanisme pengurangan pelepasan; dan
- (vii) elemen perubahan iklim lain seperti yang ditetapkan dalam RUUPIN.

KERTAS KONSULTASI AWAM RUUPIN

4. RUUPIN mengamalkan pendekatan secara menyeluruh dalam proses pembangunannya melalui maklum balas daripada semua lapisan masyarakat termasuk Kementerian dan Agensi Persekutuan, Kerajaan Negeri, Sektor Swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), orang awam dan pihak berkepentingan lain yang berperanan dalam menangani perubahan iklim mengikut bidang kuasa masing-masing.
5. Oleh itu, Kertas Konsultasi ini disediakan untuk mendapatkan pandangan dan komen daripada pihak berkepentingan yang disebutkan di atas. Kertas Konsultasi ini juga menyediakan gambaran keseluruhan yang komprehensif mengenai kerangka RUUPIN, yang dibahagikan kepada bahagian seperti berikut:
 - (i) **Bahagian B** memperincikan prinsip panduan dan memberikan gambaran penuh kerangka RUUPIN di peringkat tinggi (*high-level*); dan
 - (ii) **Bahagian C** menggariskan cadangan peruntukan utama yang terkandung dalam draf RUUPIN.

B. PRINSIP DAN KERANGKA PERINGKAT TINGGI RUUPIN

Objektif

6. Objektif RUUPIN adalah seperti berikut:
 - (i) sebagai panduan yang jelas kepada pihak berkepentingan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan tadbir urus perubahan iklim;
 - (ii) membantu mencapai komitmen Malaysia di bawah Perjanjian Paris;
 - (iii) memastikan pelaksanaan Perjanjian Paris yang berkesan;
 - (iv) sebagai instrumen bagi pelaksanaan pelan mitigasi dan adaptasi iklim secara efektif di Malaysia;
 - (v) menetapkan hala tuju agenda perubahan iklim Malaysia di masa akan datang; dan
 - (vi) meningkatkan kerjasama antara pihak berkepentingan dan memastikan entiti yang bertanggungjawab berperanan dalam menangani isu perubahan iklim mengikut bidang kuasa masing-masing.
7. RUUPIN dihasratkan untuk menjadi undang-undang utama yang akan mengelola semua isu berkaitan perubahan iklim dan akan diguna pakai di seluruh Malaysia.
8. RUUPIN juga dihasratkan untuk melengkapi peraturan dan dasar sedia ada melalui penyediaan sebuah kerangka sokongan untuk penggubalan undang-undang dan peraturan berkaitan perubahan iklim di peringkat nasional dan subnasional pada masa hadapan.

Prinsip-Prinsip Panduan Pembangunan RUUPIN

9. Penggubalan RUUPIN adalah berlandaskan kaedah Peraturan (*Rules-based*) atau kaedah Prinsip (*Principles-based*) atau gabungan kedua-duanya sekali. Kaedah Peraturan bermaksud kaedah membuat keputusan atau peraturan yang bergantung kepada peraturan yang telah ditetapkan dan dinyatakan dengan jelas (eksplisit) bagi memastikan konsistensi, ketelusan dan kebolehan ramalan. Manakala, kaedah Prinsip pula bermaksud kaedah membuat keputusan atau peraturan berdasarkan garis panduan yang luas dan menyeluruh serta pertimbangan profesional untuk mencapai hasil yang diinginkan di samping membenarkan fleksibiliti dan penyesuaian mengikut situasi tertentu.

10. RUUPIN menyediakan sebuah kerangka undang-undang bagi meningkatkan sumbangan Malaysia kepada tindakan iklim di peringkat antarabangsa di bawah prinsip tanggungjawab bersama beban berbeza dengan keupayaan tersendiri (*Common but Differentiated Responsibilities and Respective Capabilities - CBDR-RC*). Kerangka ini juga memupuk pendekatan kolaboratif dan menyeluruh yang melibatkan semua peringkat pihak berkepentingan, sambil mengutamakan peralihan yang adil dan saksama ke arah ekonomi rendah karbon.

11. Di peringkat domestik, RUUPIN juga akan melengkapkan undang-undang dan inisiatif sedia ada serta memastikan pelaksanaannya selaras dengan aspirasi dan matlamat ekonomi negara di samping memenuhi obligasi antarabangsa.

Kuasa Menteri NRES

12. RUUPIN menetapkan asas undang-undang untuk melaksanakan komitmen antarabangsa Malaysia khususnya di bawah Perjanjian Paris. Ini termasuk memberikan kuasa kepada Menteri untuk melaksanakan fungsi-fungsi kritikal yang merangkumi, tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:

- (i) melaksanakan sebarang fungsi, dalam apa jua konteks, untuk mencapai objektif NDC, LT-LEDS dan sebarang objektif perjanjian/triti yang berkaitan dengan perubahan iklim di masa akan datang;
- (ii) menetapkan dan/atau menerima pakai sasaran, definisi, piawaian dan mekanisme pengurangan pelepasan GHG untuk mencapai komitmen perubahan iklim negara;
- (iii) memperoleh data dan maklumat, dalam apa jua konteks, untuk mencapai objektif NDC, LT-LEDS dan sebarang objektif perjanjian/triti yang berkaitan dengan perubahan iklim di masa akan datang;
- (iv) membangunkan garis panduan pelaporan di peringkat kebangsaan untuk memastikan ketepatan dan relevansi pengumpulan data dan pelaporan;

KERTAS KONSULTASI AWAM RUUPIN

- (v) membangunkan dasar dan strategi untuk penyahkarbonan negara, peralihan ke arah pembangunan rendah karbon dan adaptasi kepada kesan perubahan iklim;
- (vi) mewujudkan mekanisme pengurangan pelepasan GHG untuk menggalakkan pengurangan pelepasan GHG melalui mekanisme pengimbangan (*offset*) seperti mekanisme perdagangan karbon di bawah Artikel 6, Perjanjian Paris, Skim Perdagangan Pelepasan Karbon (*Emission Trading Scheme* - ETS) termasuk peruntukan (*allowance*), lelongan, penjualan peruntukan, perdagangan di samping mudah cara pelaksanaan mekanisme pengurangan pelepasan antarabangsa secara kerjasama, pasaran Karbon Sukarela dan lain-lain yang dianggap perlu; dan
- (vii) menurunkan kuasa melalui perintah, mana-mana kuasa, tugas dan fungsi di bawah Akta ini berkenaan dengan pendedahan data dan maklumat kepada mana-mana pihak berkuasa yang berwibawa, termasuk Entiti Kawal Selia, dan/atau pihak berkuasa lain di peringkat Nasional dan Negeri untuk menguatkuasakan RUUPIN.

C. CADANGAN RANG UNDANG-UNDANG PERUBAHAN IKLIM (“RUUPIN”)

13. Cadangan kandungan RUUPIN akan disusun secara umum seperti berikut:

Susunan Klausu	Tajuk	Elemen Utama
Bahagian 1	Pendahuluan	<ul style="list-style-type: none">• Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa• Tafsiran• Definisi (termasuk tafsiran mandat UNFCCC dan Perjanjian Paris)
Bahagian 2	Sasaran Pelepasan Gas Rumah Kaca	<ul style="list-style-type: none">• Penetapan Sasaran Pengurangan Pelepasan Gas Rumah Kaca Negara• Kuasa Menteri untuk meminda Sasaran
Bahagian 3	Entiti Kawal Selia	<ul style="list-style-type: none">• Penubuhan, Keahlian• Kuasa dan Fungsi
Bahagian 4	Pangkalan Data Iklim Bersepadu Kebangsaan	<ul style="list-style-type: none">• Penubuhan Pangkalan Data Iklim Bersepadu Kebangsaan• Pentadbiran Pangkalan Data Iklim Bersepadu Kebangsaan• Garis panduan bagi pengurusan data dan maklumat
Bahagian 5	Mekanisme Pengurangan Pelepasan	<ul style="list-style-type: none">• Penubuhan dan peraturan mekanisme pengurangan pelepasan GHG• Penubuhan Registri Karbon Negara
Bahagian 6	Peruntukan Kewangan	<ul style="list-style-type: none">• Penubuhan Dana Perubahan Iklim Negara• Perbelanjaan Dana

KERTAS KONSULTASI AWAM RUUPIN

Susunan Klausa	Tajuk	Elemen Utama
		<ul style="list-style-type: none"> ● Pentadbiran Dana
Bahagian 7	Pelaporan	<ul style="list-style-type: none"> ● Penetapan pihak berkuasa pelaporan ● Obligasi pihak berkuasa pelaporan kepada Entiti Pengawalseliaan mengenai pelepasan GHG (termasuk pemilik fasiliti jika berkenaan) ● Pelaporan mengenai pelepasan GHG ● Garis panduan mengenai pelaporan ● Kekerapan penyerahan pelaporan ● Pelaporan perkara lain yang berkaitan UNFCCC
Bahagian 8	Kesalahan, Penalti dan Kuasa Berkaitan Penguatkuasaan	<ul style="list-style-type: none"> ● Kesalahan dan penalti ● Pelantikan pegawai penguatkuasa/penyiasat ● Kuasa untuk menyiasat, mengkompaun dan sebagainya
Bahagian 9	Peruntukan Am	<ul style="list-style-type: none"> ● Audit ● Perlindungan terhadap saman dan prosiding undang-undang ● Pendakwaan ● Cubaan dan bersekongkol ● Liabiliti ● Kuasa untuk meminda bagi mematuhi UNFCCC

Peruntukan Utama RUUPIN

14. Sehingga tarikh Kertas Konsultasi ini, perkara-perkara yang dicadangkan untuk ditetapkan di bawah RUUPIN adalah seperti berikut:

- (i) penggubalan dan pelaksanaan sasaran negara, penetapan penanda aras yang jelas untuk pengurangan pelepasan GHG dan amalan mampan;
- (ii) definisi seperti gas rumah kaca, pelepasan GHG, unit kredit karbon, karbon dioksida setara, dan lain-lain;
- (iii) penubuhan Entiti Kawal Selia untuk mentadbir, melaksanakan, dan menguatkuasakan Akta Perubahan Iklim;
- (iv) mewajibkan keperluan data dan maklumat melalui pembangunan Pangkalan Data Iklim Bersepadu Kebangsaan (NICDR) bagi memastikan penyerahan data berkaitan iklim dibuat secara berkala, kemajuan pencapaian sasaran, dan pendedahan maklumat kewangan seperti yang dikehendaki oleh Menteri;
- (v) penubuhan garis panduan atau peraturan untuk perdagangan karbon dan skim perdagangan pelepasan (*emission trading scheme*) serta mekanisme lain untuk mengurangkan atau mengimbangi pelepasan GHG secara berkesan;
- (vi) penubuhan Registri Karbon Negara;

KERTAS KONSULTASI AWAM RUUPIN

- (vii) penubuhan Tabung Iklim Nasional untuk menyokong inisiatif perubahan iklim; dan
- (viii) mekanisme pematuhan dan penguatkuasaan, termasuk penalti, sekatan, dan lain-lain untuk memastikan pematuhan kepada dasar dan undang-undang perubahan iklim.

15. Peruntukan utama pada peringkat ini adalah indikatif, tertakluk kepada perubahan dan bergantung kepada:

- (i) input daripada pihak berkepentingan termasuk Kementerian dan Agensi Persekutuan, Kerajaan Negeri, Sektor Swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), rakyat, dan pihak berkepentingan lain yang relevan;
- (ii) pengumpulan dan analisis maklum balas daripada kertas konsultasi ini;
- (iii) analisis lanjut daripada *trend*, perkembangan baharu; dan
- (iv) semakan/pindaan berdasarkan perkara-perkara di atas.

Definisi [Bahagian 1]

16. RUUPIN memperuntukkan definisi untuk gas rumah kaca, karbon dioksida, karbon setara, peruntukan, unit kredit karbon dan definisi lain yang berkaitan berdasarkan piawaian dan panduan antarabangsa seperti UNFCCC atau sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan bagi pasaran karbon dan elemen-elemennya. Ini adalah untuk memastikan keselarasan dengan peraturan dan dasar sedia ada bagi mengurangkan kekeliruan dan memupuk keselarasan di dalam usaha-usaha berkaitan perubahan iklim di Malaysia.

Penetapan Sasaran Nasional [Bahagian 2]

17. Menteri NRES boleh menetapkan sasaran di peringkat negara/kebangsaan, dengan kelulusan Jemaah Menteri Malaysia dengan NDC dan LT-LEDS negara.

18. Menteri NRES atau mana-mana entiti yang dilantik oleh Menteri NRES hendaklah memantau pelaksanaan aktiviti yang terkandung dalam NDC dan LT-LEDS yang ditetapkan di peringkat nasional bagi memenuhi sasaran dan objektif akta ini.

Penubuhan Entiti Kawal Selia [Bahagian 3]

19. Pentadbiran bagi Akta Perubahan Iklim yang dicadangkan ini akan dilaksanakan oleh sebuah entiti yang akan ditubuhkan di bawah RUUPIN sebagai Entiti Kawal Selia. Entiti ini akan memberi tumpuan kepada pentadbiran, pelaksanaan, dan penguatkuasaan Akta Perubahan Iklim. Selain itu, Entiti Kawal Selia ini juga akan menyelaras pihak-pihak berkepentingan dan membuat pelaksanaan yang lebih strategik bagi menangani impak

KERTAS KONSULTASI AWAM RUUPIN

perubahan iklim Malaysia. Entiti Kawal Selia ini dapat memangkin pembangunan strategi negara yang lebih bersepadu dan berimpak tinggi dengan bertindak sebagai pusat komunikasi dan kerjasama di kalangan pelbagai pihak berkepentingan termasuk Agensi Kerajaan, Kerajaan Negeri, sektor swasta, dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan.

20. Dicapangkan Entiti Kawal Selia ini ditubuhkan di bawah bidang kuasa NRES bagi melaksanakan fungsi pengoperasian selaras dengan aspirasi perubahan iklim negara bagi memenuhi dasar mitigasi dan adaptasi yang sedia ada dan akan datang, termasuk tetapi tidak terhad kepada Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan 2.0, Pelan Hala Tuju dan Tindakan NDC, LT-LEDS, Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan, Pelan Adaptasi Kebangsaan (MyNAP) dan lain-lain.

21. RUUPIN akan memberi kuasa kepada Entiti Kawal Selia untuk melaksanakan fungsi utama berikut, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (i) mengoperasikan mekanisme pengurangan pelepasan GHG untuk menggalakkan pengurangan pelepasan GHG, termasuk mekanisme pengimbangan (*offset*) seperti yang terdapat di bawah Artikel 6 Perjanjian Paris, Skim Perdagangan Karbon termasuk peruntukan, lelongan, penjualan elaun, perdagangan, dan penyelarasan mekanisme kerjasama pengurangan pelepasan antarabangsa, Pasaran Karbon Sukarela dan lain-lain yang dianggap perlu;
- (ii) menginstitusikan pengurusan data dan pelaporan; termasuk menguatkuasakan obligasi pelaporan mandatori bagi data pelepasan GHG merentasi pelbagai sektor;
- (iii) mentadbir kriteria dan kebenaran bagi penyertaan dalam pasaran karbon pematuhan atau inisiatif berasaskan pasaran yang lain;
- (iv) menguruskan pendaftaran dan akreditasi projek pengimbangan (*offset*) karbon, inisiatif tenaga boleh baharu, dan aktiviti berkaitan iklim yang lain;
- (v) membangunkan garis panduan dan piawaian yang komprehensif untuk pendaftaran dan operasi mekanisme perdagangan karbon bagi memastikan pematuhan kepada Perjanjian Paris, UNFCCC, atau mana-mana perjanjian perubahan iklim antarabangsa yang akan datang;
- (vi) memberi khidmat nasihat dan cadangan secara bebas mengenai dasar dan strategi perubahan iklim kepada agensi kerajaan, kerajaan negeri, dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan;
- (vii) memudah cara dan menyelaraskan pembiayaan inisiatif berkaitan perubahan iklim; dan
- (viii) melaksanakan inisiatif Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA).

Pembangunan Repositori Data Iklim Bersepadu Kebangsaan (*National Integrated Climate Data Repository - NICDR*) [Bahagian 4]

22. Pada masa ini, Malaysia belum mempunyai kerangka rasmi bagi pendedahan maklumat dan pengumpulan data serta maklumat berkaitan perubahan iklim. Ketiadaan sistem yang berstruktur ini telah membawa kepada pengemukaan data yang tidak cekap dan tidak teratur, sering kali bersifat *ad hoc*, yang mengakibatkan ketidakseragaman dan kekurangan piawaian dalam data yang diserahkan. Ini membawa kepada penyerahan data yang pelbagai jenis dan format ukuran yang berbeza, menjejaskan kebolehbandingan dan kebolehpercayaan maklumat yang dikumpulkan.

23. Cadangan pembangunan Repositori Data Iklim Bersepadu Kebangsaan (NICDR) akan bertindak sebagai platform bersepadu untuk memantau tindakan yang diperlukan bagi menangani isu perubahan iklim. NICDR membolehkan Malaysia menyimpan, menganalisis, mengintegrasikan, menjejaskan, memantau, melaporkan dan membentangkan tindakan dan laporan iklim dengan lebih ke hadapan.

24. RUUPIN akan menyatakan tarikh akhir yang jelas dan kekerapan penyerahan data kepada NICDR. Menteri akan menurunkan kuasanya kepada Entiti Kawal Selia untuk mentadbir NICDR bagi mengintegrasikan maklumat daripada semua sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada (i) data pelepasan GHG; (ii) penilaian kesan dan kerentanan iklim; (iii) data projek adaptasi dan mitigasi; dan (iv) data sosioekonomi yang berkaitan dengan perubahan iklim dan risikonya.

25. RUUPIN akan menyatakan obligasi dan perkara-perkara yang diharapkan dari pihak-pihak yang bertanggungjawab dengan jelas mengenai pendedahan data berkaitan perubahan iklim dan menggalakkan perkongsian data di peringkat kebangsaan, subnasional dan fasiliti bagi mencapai objektif yang diperuntukan di bawah RUUPIN. Tindakan ini termasuk mewujudkan aturan perkongsian data bersama pihak pembekal data bagi menggalakkan pendekatan yang lebih berstruktur dan kebertanggungjawaban bagi perkongsian data atau amalan terbaik yang lain dengan matlamat ideal untuk memperluas rangkaian pembekal data dengan tujuan meningkatkan keteguhan pelaporan GHG Kebangsaan. Ia juga membolehkan pemantauan data di peringkat fasiliti, yang merupakan elemen penting dalam cadangan skim perdagangan pelepasan domestik di bawah RUUPIN.

26. RUUPIN mewajibkan input data bukan sahaja daripada sektor Tenaga, LULUCF, IPPU, Sisa, dan Pertanian tetapi juga daripada semua Kerajaan Negeri. Pendekatan inklusif ini memastikan landskap data iklim adalah menyeluruh, merangkumi pelbagai sektor pelepasan dan kerentanan di pelbagai kawasan dan industri.

27. Konsep NICDR adalah terbuka dan tertakluk kepada penambahbaikan lanjut berdasarkan pandangan pihak berkepentingan dan kebolehlaksanaan operasi.

Pengawalseliaan Mekanisme Perdagangan Karbon [Bahagian 5]

28. Pengoperasian Artikel 6 Perjanjian Paris membolehkan negara-negara bekerjasama dalam mencapai NDC melalui urus niaga kredit karbon yang dikenali sebagai *Internationally Transferred Mitigation Outcomes* (ITMOs) melalui pendekatan kerjasama dengan pihak lain dan/atau melalui mekanisme pengkreditan yang ditubuhkan di bawah Artikel 6.4. Oleh itu, RUUPIN akan mengawal selia proses yang berkaitan dengan *authorization*, pelaporan, penjejakan dan perkara lain yang berkaitan dengan ITMOs mengikut panduan, peraturan, kaedah, dan prosedur yang ditetapkan oleh UNFCCC.

29. Penubuhan ETS domestik yang melibatkan ambang pelepasan GHG di peringkat fasiliti membolehkan kemudahan mengurus dan memperdagangkan peruntukan pelepasan GHG, memastikan pematuhan dengan ambang pelepasan yang ditetapkan sambil menggalakkan fleksibiliti ekonomi dan memberi insentif kepada pengurangan pelepasan GHG.

30. Entiti Kawal Selia dijangka akan membangunkan dan mentadbir kriteria untuk membenarkan entiti (syarikat, projek, dan lain-lain) menyertai ETS.

31. Dijangka RUUPIN akan mewujudkan proses baharu yang diperlukan bagi mencapai objektif peruntukan ini atau mana-mana peruntukan lain di bawah RUUPIN bagi melengkapi atau memanfaatkan piawaian/amalan antarabangsa sedia ada.

32. Peruntukan ini juga tertakluk kepada cadangan daripada Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan dan pandangan pihak berkepentingan.

Penubuhan Registri Perubahan Iklim Kebangsaan (National Registry for Climate Change - NRCC) [Bahagian 5]

33. Penubuhan NRCC yang kukuh dapat meletakkan Malaysia dalam kedudukan yang baik untuk menyertai pasaran karbon global secara aktif, mengintensifkan pengurangan pelepasan GHG dan mempercepat peralihan ke arah ekonomi rendah karbon dan daya tahan iklim. Bagi menyediakan pasaran pematuhan yang mantap dan selaras dengan amalan global, Malaysia perlu mengutamakan pembangunan registri dan membangunkan sistem Pengukuran, Pelaporan, Pengesahan (*Measurement, Reporting and Verification* - MRV) serta Pemantauan & Penilaian (*Monitoring and Evaluation* - M&E). Sistem ini akan meningkatkan ketelusan, kecekapan, dan kepercayaan dalam pasaran karbon.

34. Ini membolehkan Malaysia bekerjasama di samping berpotensi menghubungkan mekanisme pasaran karbon negara dengan pasaran negara lain sekaligus mencipta peluang yang bernilai untuk perdagangan antarabangsa.

35. Registri akan diselenggara dan diuruskan untuk menjejak dan merekodkan penerbitan, perdagangan, dan persaraan kredit karbon serta mekanisme pengurangan pelepasan yang lain.

Penubuhan Dana Iklim Kebangsaan [Bahagian 6]

36. Untuk menangani jurang pembiayaan iklim negara dalam memenuhi NDC Malaysia dan LT-LEDS, sejumlah besar pelaburan domestik dan antarabangsa diperlukan daripada sumber awam dan swasta untuk melaksanakan langkah-langkah mitigasi dan adaptasi iklim. Dicadangkan satu dana yang dikenali sebagai "Dana Iklim Kebangsaan" ditubuhkan.

37. Sumber dana yang dicadangkan pada peringkat ini termasuk tetapi tidak terhad kepada peruntukan bajet negara melalui NRES, yuran pentadbiran dan pendaftaran untuk menyertai mekanisme perdagangan karbon di bawah akta ini, yuran akreditasi untuk penyedia perkhidmatan berkaitan projek karbon, yuran perundingan/nasihat/latihan, pembiayaan antarabangsa, dan sumbangan filantropi.

38. Penggunaan Dana Iklim Kebangsaan yang dicadangkan adalah bagi menyokong inisiatif perubahan iklim kebangsaan dan operasi Entiti Kawal Selia. Pembiayaan antarabangsa dan sumbangan juga boleh digunakan untuk membantu inisiatif perubahan iklim.

39. Entiti Kawal Selia akan menetapkan kriteria kelayakan untuk penyaluran dana yang akan digunakan untuk menyokong tindakan perubahan iklim, pembangunan rendah karbon yang berdaya tahan iklim, pembiayaan penyelidikan, pendidikan, program latihan dan kesedaran berkaitan perubahan iklim.

40. Selain itu, data pembiayaan yang dikumpul daripada Dana Iklim Kebangsaan mengenai inisiatif perubahan iklim boleh menjadi salah satu sumber maklumat untuk Laporan *Biennial Transparency Report* (BTR) kepada UNFCCC dalam melaporkan pembiayaan yang diterima, keperluan dan jurang bagi perancangan pembiayaan iklim negara. Data pembiayaan ini juga akan merangkumi maklumat yang diterima daripada pihak berkaitan mengenai sokongan kewangan yang diterima dan diperlukan untuk pelaksanaan Perjanjian Paris dan aktiviti berkaitan ketelusan, termasuk pembinaan kapasiti dan CEPA.

Pelaporan [Bahagian 7]

41. Obligasi pelaporan Malaysia di bawah UNFCCC adalah termasuk penyerahan *National Communication* (NC), serta memenuhi keperluan di bawah Rangka Kerja Ketelusan yang Ditingkatkan (ETF) di bawah Perjanjian Paris yang melibatkan penyediaan Laporan *Biennial Transparency Report* (BTR).

KERTAS KONSULTASI AWAM RUUPIN

42. Di peringkat negara, data yang diperlukan secara amnya merangkumi pelepasan GHG Malaysia, kesan perubahan iklim, usaha mitigasi, dan adaptasi. Sehubungan itu, RUUPIN, melalui kuasa yang diberikan kepada Menteri boleh menetapkan tarikh akhir pelaporan tahunan, metodologi, dan piawaian untuk pelaporan. Piawaian ini mesti mematuhi garis panduan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, seperti yang ditetapkan oleh Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (*Intergovernmental Panel on Climate Change* - IPCC) atau rangka kerja setara lain, bagi memastikan pihak berkepentingan yang relevan terikat secara undang-undang untuk melaporkan secara tepat pada masanya, telus dan konsisten.

43. Di peringkat subnasional atau negeri, mandat yang jelas akan diberikan kepada pihak berkuasa negeri untuk menyediakan data bagi tujuan memenuhi obligasi pelaporan antarabangsa.

44. Di peringkat fasiliti, Menteri, melalui kuasa yang diberikan, boleh mewajibkan pelaporan pelepasan GHG mengikut Protokol GHG atau piawaian antarabangsa lain yang diiktiraf. Penekanan awal harus diberikan kepada sektor yang sukar untuk mengurangkan pelepasan GHG (*hard to abate*) atau pelepas GHG terbesar, dengan pengenalan ambang untuk mewajibkan organisasi yang melebihi ambang tersebut mematuhi keperluan yang ditetapkan di bawah ETS. Ambang yang diperkenalkan akan menjadi asas untuk menetapkan peruntukan (*allowances*) dan ianya berdasarkan pelepasan yang dikeluarkan dari sektor atau kemudahan.

45. Berkenaan dengan projek karbon, terdapat keperluan untuk mewajibkan pengumpulan dan pelaporan data daripada projek-projek bagi memudahkan pemantauan kemajuan NDC dan pengoperasian peruntukan khusus Artikel 6 Perjanjian Paris.

Pematuhan dan Penguatkuasaan [Bahagian 8]

46. Mekanisme pematuhan diperlukan untuk memastikan bahawa objektif RUUPIN dipenuhi dan diselenggarakan dengan berkesan. Dengan menetapkan peraturan yang jelas, sistem pemantauan, serta protokol penguatkuasaan dan penalti, pematuhan dapat memastikan individu dan entiti bertindak dengan bertanggungjawab dalam kerangka peraturan dan undang-undang. Secara tidak langsung, pematuhan akan mendorong pematuhan kepada piawaian bagi mengurangkan pelepasan GHG dan mengurangkan impak perubahan iklim.

47. Skop pematuhan akan merangkumi tetapi tidak terhad kepada kewajipan pelaporan mandatori bagi data pelepasan GHG di peringkat fasiliti merentasi pelbagai sektor untuk memastikan ketepatan masa, ketepatan, dan kebolehpercayaan. Pematuhan terhadap mekanisme lain seperti ETS juga termasuk penyerahan peruntukan (*allowance*) tepat pada masanya dan keperluan lain yang ditetapkan di bawah ETS.

48. Pada peringkat ini, Menteri boleh melantik Entiti Kawal Selia yang bertanggungjawab untuk menggalakkan pematuhan melalui pemberian insentif. Selain itu, Entiti Kawal Selia juga akan mempunyai kuasa untuk mengenakan dan menguatkuasakan langkah-langkah punitif, termasuk denda dan pemenjaraan, bagi memastikan kepatuhan kepada undang-undang. Di samping itu, Menteri boleh melantik pegawai penguatkuasa atau penyiasat berdasarkan keperluan di bawah Akta ini, memberikan mereka kuasa untuk menyiasat, mengkompaun dan menggeledah.

Peruntukan Am [Bahagian 9]

49. Bahagian 9 merangkumi peruntukan utama seperti berikut:

- (i) Adalah disyorkan bahawa RUUPIN menyediakan perlindungan undang-undang dan kekebalan kepada unit penguatkuasaan yang menangani hal-hal pematuhan, terutamanya yang berkaitan dengan pendedahan data dan maklumat, perdagangan karbon dan tindakan yang diambil untuk melaksanakan RUUPIN. Ini akan memastikan penguatkuasaan yang berkesan tanpa halangan yang tidak perlu;
- (ii) Kelulusan Pendakwa Raya diperlukan sebelum memulakan sebarang prosiding undang-undang bagi kesalahan yang dilakukan di bawah RUUPIN;
- (iii) Langkah-langkah punitif disyorkan dan dikuatkuasakan terhadap individu yang melakukan kesalahan di bawah RUUPIN;
- (iv) Skop liabiliti bagi individu, pekerja, dan entiti korporat yang melakukan kesalahan di bawah RUUPIN ditakrifkan; dan
- (v) Menteri diberi kuasa untuk membuat peraturan yang menetapkan kesalahan yang boleh dikompaun, penalti, denda, dan langkah punitif lain.

D. KESIMPULAN

51. Pada masa ini, Kementerian sedang melaksanakan proses penting iaitu sesi libat urus bersama pihak berkepentingan bertujuan untuk mengumpulkan maklum balas yang bernilai bagi memahami isu dan cabaran yang dihadapi.

52. Semua komen dan pandangan yang disampaikan dalam tempoh konsultasi ini, termasuk sesi libat urus bersama Kerajaan Negeri, pemain industri, NGO dan pihak berkepentingan lain yang relevan akan dipertimbangkan dengan teliti sebelum draf RUUPIN dimuktamadkan. Butiran perundangan yang digariskan dalam Bahagian C dan D tertakluk kepada pindaan lanjut berdasarkan maklum balas yang dikumpulkan.

53. Sesi libat urus lanjut dengan pihak berkepentingan akan dilaksanakan jika perlu sebelum draf RUUPIN dimuktamadkan.

KERTAS KONSULTASI AWAM RUUPIN

54. Analisis Impak Peraturan (*Regulatory Impact Assessment* - RIA) juga akan dijalankan selaras dengan prosedur yang ditetapkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).
55. Selepas pengumpulan maklum balas yang menyeluruh, draf RUUPIN akan melalui semakan rasmi oleh Jabatan Peguam Negara (AGC) sebelum dibentangkan di Parlimen.

E. LAMPIRAN A – BORANG MAKLUM BALAS

Sila kemukakan input dan maklum balas anda melalui borang maklum balas seperti di bawah dan di e-mel kepada **rd.bpi@nres.gov.my** dan salinan kepada (cc) **MYFAProjectRUUPIN@deloitte.com**.

Borang maklum balas juga boleh dihantar melalui pos ke:

Unit Rundingan dan Dasar
Bahagian Perubahan Iklim (BPI)
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tingkat 5, Blok F11, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
62000 Putrajaya, Malaysia

Borang Maklum Balas

Nama: Jawatan: Nama Organisasi:	
Maklum Balas Umum	
Seksyen A (Pengenalan)	
Seksyen B (Prinsip dan Kerangka Peringkat Tinggi RUUPIN)	
Seksyen C (Cadangan RUUPIN)	
Lain-lain	